

# **BAB EMPAT**

## **BAB EMPAT : KESAN SEKULARISME TERHADAP PERADABAN ISLAM**

### **4.0 PENGENALAN**

Islam adalah satu agama yang menitikberatkan semua bidang kehidupan dan memberi ruang yang luas kepada umatnya untuk mengikuti syariat yang telah ditetapkan agar dapat hidup aman dan bahagia. Ia termasuklah perkara berkaitan hubungan harmoni sesama manusia (makhluk) dan manusia dengan Allah dengan prinsip sucinya ialah tauhid. Faham sekularisme telah dianuti oleh kebanyakan pemerintah dan ahli ilmuan di negara-negara Islam malah mereka berusaha menerapkannya di pelbagai aspek kehidupan. Kesemua ini memberikan kesan yang buruk terhadap peradaban Islam. Segala bentuk kesan tersebut boleh dilihat dari aspek sosial, ekonomi dan politik yang berjaya mencorakkan umat yang kosong jiwanya di sudut akhlak, jati diri dan agama khasnya. Penjelasan tentang ilmu sekular penting agar kita tidak dituduh sebagai anti kemajuan sains, anti ilmu dan anti penggunaan akal. Oleh itu cara berfikir secara Islam adalah penting iaitu adanya hubungan akal dengan iman dan wahyu.

Bila membincangkan mengenai kesan sekularisme, penumpuan penulis adalah terhadap kekacauan pemikiran yang berlaku kepada umat Islam. Sejak pertengahan abad ke-18 M hampir seluruh dunia Islam menjadi sasaran utama Barat mempengaruhi mereka dengan pelbagai idea terhadap pemikiran meliputi kebudayaan, ilmu, seni, bahasa dan sebagainya menjadikan kaum Muslimin mengalami kebekuan fikiran apabila seluruh teori pengetahuan kita sepenuhnya menjadi Barat atau beracuankan Barat. Dengan itu keperibadian umat menjadi lemah, menerima tamadun moden dengan sewenang-wenangnya tanpa batasan. Malah umat Islam seolah-olah kehilangan kepercayaan terhadap

pemikiran Islam dan warisan budayanya mengakibatkan secara psikologi mereka menderita kekalahan jiwa sehingga sedia menerima segala alternatif yang datang dari Barat tanpa syarat.

Bagaimana umat Islam sebegitu mudah terpengaruh dengan idea pembaratan yang dikatakan terbaik untuk mencapai matlamat kebahagiaan hidup? Ia sebenarnya berpunca dari kelalaian kita yang melupakan ajaran agama sehingga berfikiran seperti sekular. Perkembangan pemahaman tersebut tersebar ke seluruh Benua Eropah dan kemudiannya ke negara-negara lain termasuk negara-negara Islam melalui penjajahan. Proses ini yang berlaku di zaman penjajahan berlanjutan selepas negara-negara Islam mencapai kemerdekaan dan meyakini bahawa model pembangunan dan idea-ideanya harus diteruskan untuk mengelakkan kemunduran dan kemiskinan manusia. Sekularisasi dikaitkan pula dengan pertumbuhan ekonomi yang bermatlamat untuk kemajuan bagi masyarakat dan negara yang mewujudkan nilai material serta timbul selepas penerimaan sesuatu sistem ekonomi. Kesannya pemikiran umat Islam dipengaruhi dengan alasan untuk maju kita seharusnya mencontohi Barat. Malah idea tersebut diamalkan misalnya mengadaptasikan pelbagai aliran pemikiran Barat seperti Rasionalisme, Positivisme, Naturalisme, Materialisme dan sebagainya. Demikian juga sistem pemerintahannya yang terpisah-pisah dalam pelbagai aliran seperti Nasionalisme, Sosialisme dan Demokrasi. Malah wujud juga budaya pemikiran yang beraneka ragam yang membentuk satu identiti asing dalam tradisi kebudayaan dari segi sosial.

Apabila hidup bertunjangkan manusia bukannya Tuhan terjadilah konflik antara manusia dengan manusia. Misalnya pertentangan pemikiran antara individu dan masyarakat, individu dan negara dan dalam diri atau jiwa manusia sendiri. Manusia

sebegini tidak dapat mengenal hakikat diri dan tujuan hidupnya. Oleh itu akidah keagamaan penting yang merupakan kaedah seluruh pemikiran tentang kehidupan dan segala kaitannya. Oleh itu kehidupan Islam yang menjadi kebanggaan umat Islam dinyatakan oleh Muhd Al-Ghazali yang dipetik dari Syauiy dalam sebuah bait syairnya iaitu :

Agama adalah mudah  
Kekhalifahan adalah bai'at  
Pemerintahan adalah musyawarah  
Dan hak-hak manusia dijamin mahkamah. <sup>1</sup>

Pemahaman tentang definisi serangan pemikiran adalah penting untuk memahami maksud yang ingin disampaikan dan serangan melalui idea ini lebih membawa impak yang mendalam dan berkesan. Demikianlah pemikiran sekular yang menekankan pencapaian ketinggian peradaban dalam soal kemajuan dan pembangunan, kita harus meninggalkan nilai tradisi, budaya dan kepercayaan yang dihayati.

#### **4.1 PEMIKIRAN SEKULAR.**

Islam membentuk pemikiran yang benar untuk umatnya dan jika meniru pemikiran sekular ia tidak akan mendapat apa yang diharapkan dan dicitakan. Ini kerana harga diri manusia adalah agamanya. Pemikiran menurut kamus Malaysiana ialah perihal berfikir (memikir). Manakala serangan sama ertinya dengan serbuan. Oleh itu pemikiran manusia sentiasa terdedah dengan pelbagai jenis maklumat tanpa sempadan dan kecelaruan pemikiran bukan masalah baru bagi dunia Islam. / Persoalannya sejauhmanakah kita berupaya menyaring segala bentuk pemikiran sekular kepada generasi Islam masa kini.

Pemikiran menurut *Dictionary of Philosophy and Religion Eastern and Western*

*Thought* ialah :

*“In English, the term applies both to the process of mental activity and to its product. The interpretation of either depends upon the position one holds with respect to metaphysics, universals and epistemology. In general, a list of such interpretations would recapitulate the history of philosophy.”<sup>2</sup>*

Ia membuktikan aktiviti mental memainkan peranan penting bagi proses pemikiran. Serangan pemikiran meliputi penyelewengan fakta dan memburuk-burukkan pemikiran, tamadun, kebudayaan dan sejarah kebudayaan bangsa-bangsa yang pernah melalui serangan penjajahan Barat di zaman moden ini. Kesannya kita kehilangan upaya untuk mengatasi dilema tamadun Barat dan mengalami nasib yang sama apabila mengadaptasikan pemikiran sekular.

#### **4.1.1 Sikap Umat Islam Terhadap Barat**

Sikap umat Islam terhadap Barat dari segi pemikiran, kebudayaan dan pengetahuan mempunyai pelbagai tahap, ada yang menerima dan menolaknya. Tahap-tahap ini mungkin berbeza mengikut sejarah dan antara negara-negara Islam di dunia cuma penulis ingin mengetengahkan tiga tahap ini yang dianggap membawa impak yang menonjol. Ini kerana corak kehidupan Islam dan sekular berbeza dalam membentuk peradaban yang diimpikan. Oleh itu apabila pemikiran sekular diperkenalkan sudah tentu mendapat reaksi dan tanggapan yang berbeza dari umat Islam. Tahap-tahap yang dimaksudkan ialah :

#### 4.1.1 (a) Tahap Pertama

Pada tahap ini berlaku kejutan pertama tentang budaya dan tamadun Barat yang terhasil dari pemikiran sekular mereka. Ia menggugat kedudukan pemikiran dan ilmu umat Islam yang menyebabkan terhakisnya sedikit demi sedikit pegangan kepercayaan pemikiran Islam dan warisan budayanya. Menurut Thaha Jabir Al-'Awani dalam buku asalnya *Al Azmatu al-Fikriyyah Al-Mu'ashirah Tasykhish wa Muqtarahatu al-'Ilaj* iaitu :

“Pada tahap ini, di dalam benak kaum Muslimin, muncul anggapan bahawa pemikiran dan tsaqafah Islamiyyah tidak mungkin dapat membentuk tamadun dan mewujudkan kemajuan serta tidak mungkin dapat berkembang akibatnya mereka meletakkan Islam ke dalam kandang tertuduh.”<sup>3</sup>

Oleh itu mereka menganggap Barat yang terbaik dari pelbagai perspektif kehidupan dan harus mencontohnya. Secara langsung mereka akan menyerah dan menerima idea-idea Barat dalam mencorakkan kehidupan dan penyelesaian masalah sehingga sanggup menerima keseluruhan alternatif yang datang dari Barat terutamanya dari segi pemikiran.

Hasilnya ramai pelajar dihantar untuk mengikuti pembelajaran di Barat agar dapat membangunkan negara. Mereka akan mempelajari dan menerima ilmu pengetahuan, pemikiran, kebudayaan dan seumpamanya di universiti sama ada secara teori atau praktikal tanpa saringan. Oleh itu segala idea ini akan dikembangkan apabila mereka pulang ke tanah air. Selain itu di dunia Islam pula sedang rancak melakukan pelbagai pemodenan yang berpandukan Barat. Wujud pula kaum modenis yang berjuang menerapkan idea pembangunan Barat sekular dengan segala pembaharuan. Manakala bagi golongan yang tidak berpelajaran akan menerima idea ini dengan sukarela.

Namun terdapat juga golongan yang menyadari penyelewengan pemikiran tersebut dan berusaha membendunginya dari terus melarat. Hanya pada golongan elit sahaja yang banyak terpengaruh dan sebahagian kecil rakyat jelata yang mengagungkan Barat ketika itu. Ini disebabkan idea pemikiran tersebut belum tersebar secara menyeluruh.

#### **4.1.1 (b) Tahap Kedua**

Pada tahap ini cengkaman ideologi sekularisme telah menampakkan hasilnya namun sebilangan besar umat telah menyadari kesilapan masa lalu yang terlalu mengagungi Barat. Mereka juga telah berinteraksi dengan pelbagai hasil pemikiran Barat dengan mengulangkaji pelbagai teori, aliran dan hasil pemikiran sebanyak mungkin. Hasilnya lahirlah pemikiran yang seimbang, perbandingan kajian dan dialog antara Islam dan Barat dari pelbagai bidang. Di tahap ini juga menurut Thaha Jabir Al-'Awani lagi :

“Oleh itu pada masa ini dapat dibaca berbagai tulisan tentang Islam yang menunjukkan pemilikan konsep-konsep seperti Barat memilikinya. Misalnya demokrasi Islam, sosialisme Islam, hak-hak buruh dalam Islam hak-hak wanita dalam Islam, hak-hak asasi manusia dalam Islam dan persoalan lain yang menunjukkan bahawa kaum Muslimin telah melalui tahap kejutan dan ketakjuban budaya, dan sedang memasuki marhalah (tahap) muwajahah (berdepan).”<sup>4</sup>

Hasilnya lahirlah peradaban Islam dan Barat yang mempunyai identiti tamadun yang tersendiri di samping pemilikan idea peradaban bersama. Masing-masing mempunyai keistimewaan dan terpulanglah pada manusia itu untuk membangunkan masyarakat dan negaranya.

#### 4.1.1 (c) Tahap Ketiga

Di tahap ini umat Islam mengalami kebangkitan semula ketinggian peradabannya dengan kesedaran yang tinggi. Kita juga berusaha mengukuhkan jati diri Islam dalam diri dan masyarakat sebagaimana yang ditetapkan oleh syariat Islam. Kesemua ini mengejutkan Barat bahawa umat Islam telah menyedari keburukan elemen sekular yang telah ditiru dan diamalkannya sepertimana yang berlaku di dunia Barat. Ini terbukti dari ungkapan Thaha Jabir Al-'Awani lagi iaitu :

“Orang-orang Islam mula menyedari bahawa rangka pemikiran, teori-teori, kaedah dan kebudayaan Barat, dengan seluruh alirannya, tidak dapat digunakan untuk membina kebangkitan Islam dan tamadunya. Rangka Barat tidak dapat diterapkan untuk menegakkan kemajuan umat.”<sup>5</sup>

Berdasarkan pandangan ini umat Islam akan mendalami Islam dan mengembangkan syiarnya. Kejayaan ini tidak mustahil akan berlaku dengan sokongan semua pihak dan mungkin juga mereka akan mengulangi kesilapan yang sama jika lalai menjalankan tanggungjawab dan amanah Allah.

Demikianlah tiga tahap sejarah perhubungan awal umat Islam dengan Barat sehingga kini. Pilihan yang tepat tentang idea pemikiran untuk maju penentu kepada kesejahteraan umat ini kerana tidak semua idea Barat membawa kerosakan kecuali adanya kesesuaian dengan hukum Islam. Malah dari segi saintifik dan teknologi Barat ternyata mendahului kita.

## 4.2 SERANGAN PEMIKIRAN

Inilah tumpuan penting untuk pengkajian penulis kerana apabila berlakunya serangan pemikiran akan dapat diketahui pandangan sebagaimana yang diambil dari Barat sekular dan mengapa ia dianggap terbaik. Serangan pemikiran menurut Ali Abdul Halim Mahmud dapat diertikan dalam ungkapan kata-kata :

“Ialah bangsa-bangsa yang lemah atau berkembang menjadi tunduk kepada pengaruh kekuatan yang memusuhinya.”<sup>6</sup>

Serangan pemikiran berlaku kerana kita menyetujui segala pemikiran dan falsafah Barat sekular yang menyeleweng dengan mengadaptasikan ke dalam kehidupan dan terus dibiarkan menyerapi peradaban manusia muslim.

Berikut adalah beberapa jenis serangan pemikiran ke atas umat Islam seperti mengamalkan pemikiran dan kepercayaan dari golongan bukan Islam tanpa memikirkan kesannya iaitu agama dan kehidupan tidak harus berjalan seiring. Ia terjadi apabila umat Islam tidak berpandukan Al-Quran dan Sunnah Rasul dalam menjalani kehidupan ini. Malah dengan ketiadaan doktrin kehidupan yang abadi yang dapat memenuhi keperluan manusia maka tiada beroleh rahmat kehidupan.

Kekacauan berlaku apabila mengambil secara membuta-tuli kemajuan yang berasaskan Barat yang mengakibatkan kekacauan atau tekanan kehidupan. Ini bermakna kita akan menjadi pengikut setia terutama bagi negara miskin yang mengaguminya dan berfikir untuk maju harus berpandukan Barat. Kesannya masyarakat merasa terbelenggu dengan ideologi Barat sehingga tidak mampu merancang masa depan mengikut

kehendaknya. Di sini seolah-olah terdapat pengasingan antara cita-cita Islam dan kemajuan (Barat) seperti dualisme dalam pemikiran telah wujud.

Seterusnya serangan pemikiran juga berlaku apabila sesuatu bangsa telah menggunakan kaedah pendidikan dan pengajaran yang boleh merosakkan generasi Islam. Apabila akal fikiran dapat dikuasai sudah pasti mereka akan menjadi pengikut kepada kaedah pembaratan atau bekas penjajah dengan mengakui dan mengamalkan fahaman Barat sekular. Sedangkan pada hakikat yang sebenar kita tidak ubah menjadi pelaksana atau agen mereka dan pengikut setia yang tidak memberikan sebarang kajayaan ke arah kebangkitan ummah.

Lebih teruk lagi apabila umat Islam generasi kita melupakan dan membuang pengajaran sejarah Islam yang unggul dan digantikan dengan sejarah kaum penjajah atau Barat. Akhirnya Barat akan terus diagungkannya dan menjadi teladan serta pejuang-pejuang Barat akan lebih dikenali dan disanjung. Perkara yang lebih mengharukan apabila keagungan peradaban dan tokoh-tokoh pejuang Islam dilupakan dan terus meyakini bahawa Baratlah yang memelopori kemajuan ilmu dan ketinggian peradaban. Ali Abdul Halim Mahmud menambah “Bahkan ia tidak mengenal yang benar dari yang batil kecuali terhadap apa yang dilihat oleh bangsa penyerang itu benar atau batil.”<sup>7</sup> Ini bermakna kita melihat sejarah dari kacamata Barat dan bukannya melalui pandangan Islam sebagai petunjuk kejalan yang benar.

Setelah itu sudah pasti bahasa dan bangsa yang menang akan menguasai pemikiran umat Islam. Kesannya bahasa bangsa yang kalah akan terus dipinggir dan disisihkan penggunaannya kerana menganggap bahasa inggeris umpamanya mempunyai martabat

paling tinggi dan lambang kemajuan sesuatu golongan. Ia kemudiannya merubah cara berfikir sesuatu bangsa iaitu umat Islam harus berfikiran seperti Barat dalam melihat senario kehidupan manusia. Hasilnya masyarakat akan diresapi dengan segala jenis fahaman sekular yang berjaya mendominasi jiwa umat Islam. Apabila golongan sekular berjaya mengurangkan penggunaan bahasa umat Islam seperti di Turki yang menghapuskan huruf-huruf Arab dari bahasanya bererti ia berjaya menjauhkan Al-Quran dari hati mereka.

Kemudiannya moral sekular berjaya meresapi pemikiran maka akan merubah keperibadian dan keaslian (tradisi) kehidupan kita yang berlandaskan syariat Islam. Ini kerana moral tersebut dapat membuatkan mereka berfikir bahawa ia akan membawa kemuliaan, keharmonian, kemajuan dan masa depan yang gemilang. Idea pemikiran mereka yang ditiru dari Barat ternyata menyimpang dari Islam dan tradisi umat Islam. Ia ditegaskan oleh Israr Ahmad iaitu "Mereka berfikir dengan fikiran falsafah dan ideologi Barat dan dengan yang demikian mereka hilang kekuatan untuk menentanginya." <sup>8</sup> Ini kerana apabila Al-Quran sebagai sumber syariat dan sunnah Rasul ditentang sudah pasti bangsa tersebut dipandang hina disebabkan oleh salah faham dari kelalaian pemikiran mereka sendiri untuk menandingi kehebatan Barat. Seterusnya apabila adat, tradisi dan agama disisihkan akan wujudlah peradaban yang lemah dan tidak bernilai.

Islam pula dikatakan agama bersifat peribadi sahaja dan diletakkan sebagai tanggungjawab persendirian. Hasilnya kegiatan bercorak keagamaan dihadkan di kawasan tertentu sahaja seperti di masjid, di pusat Islam, di mahkamah syariah dan seumpamanya. Lanjutan dari itu semua agama dikatakan sama tarafnya kerana ia menyeru ke arah kebaikan seperti memperbaiki akhlak. Sebenarnya hanya Islam agama yang benar dan di terima Allah dan bukannya sama seperti agama dan kepercayaan yang lain.

Apabila mengikut idea Barat yang berpandukan kemajuan ke arah kemodenan akan melahirkan manusia yang mementingkan kuasa untuk mengukuhkan kedudukan dan bukannya untuk tujuan ibadat. Mohamad Abu Bakar menjelaskan “Prinsip yang selalu dipegang dalam menguruskan kehidupan bercorak ini ialah ‘the end justifies the means’ atau ‘matlamat mengharuskan cara’.”<sup>9</sup> Jelas di sini konsep keadilan dan ketakwaan seperti yang dituntut oleh Islam tidak diamalkan asalkan sesuatu bangsa tersebut menikmati faedah tanpa memperdulikan kesusahan dan penderitaan bangsa lain.

Setelah dilihat dan dikaji perkembangan umat Islam masa kini jelas bahawa mereka belum maju dalam erti kata yang sebenarnya jika tidak menghayati Islam sepenuhnya. Oleh itu seluruh umat Islam bertanggungjawab menolak ajaran sekular, peradaban dan kebudayaanya jika memiliki kebijaksanaan dan mengikuti ilmu dari kitab Al-Quran dan Sunnah Nabi. Kesannya mereka akan dapat menyekat kemasukan fahaman atheism dan kebendaan yang menyesatkan fikiran manusia serta pelbagai aliran pemikiran yang merosakkan ummah.

#### **4.3 ADAPTASI KEHIDUPAN SEKULARISME (PEMIKIRAN ATAU IDEA YANG DIAMALKAN)**

Kesan pemakaian elemen-elemen sekular dalam kehidupan umat Islam dapat dilihat dari pelbagai sudut kehidupan seperti yang dibahagikan oleh penulis dari segi sosial, ekonomi dan politik. Malah kemajuan negara Barat telah dijadikan ukuran kepada ketamadunan dengan mengambil kesemua contoh pembangunan mereka.

### 4.3.1 Kesan Ke Atas Sosial

Melalui pendidikan berlakunya pensejagatan sekularisme yang dapat dilihat dari pengalaman negara-negara Islam yang mengamalkannya. Misalnya terbentuklah generasi yang lemah akidah dan kurangnya penghayatan Islam. Dalam pemikiran masyarakat adalah paling membanggakan jika anak-anak mereka menuntut di sekolah atau institusi pengajian tinggi yang berfahaman sekular dan ternama. Bidang-bidang pekerjaan yang bercorak profesional lebih mendapat perhatian dan dianggap bertaraf tinggi. Manakala bidang beraliran agama dan kemanusiaan dipandang rendah kerana dianggap sesuatu yang tidak mencabar minda sehinggakan kedudukan tangga gaji yang ditetapkan juga tidak lumayan dan kurang mendapat tempat di pasaran. Ia jelas apabila bidang teknologi maklumat lebih diutamakan. Sikap ini menyebabkan ketidakseimbangan pengeluaran tenaga kerja di pasaran kecuali pekerjaan yang memerlukan pelajaran berbentuk sekular tanpa penyelitan nilai-nilai keagamaan disebabkan isi kandungan pelajaran yang diambil dari negara Barat.

Akibat dari pendidikan sekular ini timbul minat untuk mengumpul kekayaan berlebihan, kehidupan bebas tanpa akhlak, kurang minat mendalami Islam, kegiatan maksiat berleluasa dan seumpamanya. Contohnya Jamilah Othman melalui kertas kerjanya bertajuk 'Sekularisme: Pengalaman Umat Islam Minoriti di Singapura' menyatakan

"Pendidikan sekular di Singapura sangatlah menjejaskan akan matlamat sebenar pendidikan Islam kerana pelajar-pelajar tidak menjadikan Allah dan Rasul S.A.W sebagai matlamat hidup, tetapi yang ingin mereka capai adalah keputusan peperiksaan yang cemerlang yang mengakibatkan mereka tidak terlatih untuk berfikir secara kritikal dan menjadi pak turut kepada tren terkini masyarakat."<sup>10</sup>

Malah beliau menambah kini sebanyak 95 peratus anak-anak Islam bersekolah di sekolah sekular. Idea sekular juga tersebar dengan meluas melalui media massa yang menimbulkan pelbagai gejala sosial. Md Sidin Ahmad Ishak dari Jabatan Media U.M umpamanya menyatakan :

“...media massa merupakan sumber kepada pelbagai gejala sosial: sebagai perosak minda remaja, pencemar budaya pribumi, ejen yang memberi representasi salah kepada citra Islam, sumber propaganda Yahudi untuk menjahanamkan umat Islam, menyemai nilai-nilai kebendaan, penyebar hedonisme dan nihilisme, faktor keruntuhan akhlak dan seterusnya.”<sup>11</sup>

Ia berikutan daripada pergantungan maklumat atau berita dari pihak luar yang tidak diketahui kebenarannya seperti Reuters, AP, AFP dan lain-lain yang menyebabkan umat Islam tidak dapat membentuk peribadi media massanya yang Islamik. Melalui media massa juga berkembangnya idea dan gaya hidup sekular yang menonjolkan aksi ganas, tahyul, seks, material, eksploitasi wanita dan sebagainya.

Selain itu, telah dinyatakan bahawa sekularisme bercanggah dengan Islam dan boleh dilihat dari sudut bidang hiburan. Misalnya apabila menyambut alaf baru banyak kegiatan hiburan dikunjungi oleh belia Islam yang menyertai pelbagai pesta, konsert besar-besaran, minum arak, perlakuan bebas dan yang meruntuhkan akhlak. Malah kegiatan-ini mendapat liputan meluas dan disiarkan secara langsung. Ia menggambarkan budaya pemikiran sekular yang mementingkan keseronokan masa kini tanpa melihat kesan dari perlakuan tersebut. Sepatutnya upacara atau majlis bersifat keagamaan ditonjolkan secara meluas termasuklah dari seluruh dunia Islam seperti sembahyang kesyukuran, bacaan Al-Quran, tazkirah diri dan lain-lain yang boleh membawa pemikiran umat ke arah keinsafan diri tentang pelaksanaan perintah Allah yang telah dan bakal dilaksanakan nanti.

Peniruan budaya popular Barat yang dianggap moden dan maju sering mendapat perhatian kerana umat Islam menganggap ia lambang kemewahan, status, kemegahan dan seumpamanya. Ia terbukti dari peniruan gaya personaliti-personaliti yang mashyur dan glamour bukannya golongan ulama. Misalnya dalam fesyen gaya yang mendedah aurat tanpa sifat malu (iman) atau seksi menarik perhatian ramai dan kerjaya sebagai peragawati dianggap moden dan mendapat sambutan. Oleh itu golongan artis yang sering dipuja sama ada ia penyanyi, pelakon, pengacara dan seumpamanya akan dijadikan idola untuk diikuti termasuklah dari segi cara berpakaian, hobi, cara berbahasa dan sebagainya. Menurut seorang penulis di akhbar *New Straits Times* pada 25 April 2000 yang lalu telah berlangsungnya satu peraduan meniru cara berpakaian watak Erin Brockovich yang dilakonkan oleh Julia Roberts iaitu pelakon filem Holywood. Golongan ini sering mendapat publisiti yang meluas di media massa kerana mereka disanjung melebihi golongan yang dapat dijadikan panduan hidup misalnya para ilmuan, golongan ulama, pejuang tanahair dan lain-lain.

Demikianlah serba ringas serangan pemikiran ke atas umat Islam dalam konteks sosial yang ternyata membawa keburukan dari kebaikan. Melalui sistem komunikasi dan gelombang maklumat menyukarkan lagi untuk pengembalian penghayatan Islam jika pihak berkuasa dan orang ramai tidak menyedari dan mengambil tindakan membendungnya.

#### **4.3.2 Kesan Ke Atas Ekonomi**

Falsafah ekonomi Islam berlandaskan Al-Ouran dan Sunnah Rasul yang dimulakan oleh Rasulullah s.a.w dan diteruskan oleh pemikir-pemikir Islam yang lain. Namun pemisahan antara pemikiran ilmu dan Islam kemuncaknya dilaksanakan oleh Mustafa

Kemal Atatürk di Turki iaitu model negara sekular Islam yang unggul. Oleh itu kemajuan yang dirancang melalui akal manusia sudah tentu mempunyai elemen seperti riba, nepotisme, penipuan, rasuah dan seumpamanya yang mementingkan kepuasan diri, kemewahan dan kedudukan ternyata mengenenepikan hukum agama.

Idea sekularisasi ekonomi tidak sahaja mudah berkembang di negara yang mempunyai pelbagai etnik atau kaum tetapi juga di negara Islam sepenuhnya. Sifat-sifat murni sistem ekonomi Islam semakin dipinggirkan terutamanya oleh pemimpin yang berjaya dipengaruhi dengan pemikiran sekular. Misalnya konsep keadilan ekonomi sejagat, ketelusan, soal tanggungjawab, halal haram, keadilan, etika kerja, akhlak mulia dan sebagainya tidak diutamakan lagi. Sistem ekonomi Kapitalis muncul di Barat dan ia mulanya ialah sistem perdagangan bebas yang dikatakan paling rasional dan bersistematik seperti ada tujuan yang ditetapkan dan mempunyai unsur-unsur sekularisme. Ia menuntut kebebasan individu memiliki harta, kekuasaan penuh institusi kewangan, perwarisan harta, persaingan yang sihat, tiada kawalan yang ketat dari kerajaan dan sebagainya.

Sistem ekonomi Kapitalis ini telah diamalkan di negara Islam dan terdapat nilai-nilai yang bercanggah dengan syariat seperti tiadanya konsep ekonomi untuk dunia dan akhirat. Sifat atau ciri-ciri khusus sistem tersebut ialah terdapatnya unsur monopoli bagi firma-firma yang besar, amalan riba dan kadar bunga seperti dalam soal pinjaman, kos pengiklanan yang berlebihan untuk perkhidmatan, wujud pemodal-pemodal bank yang besar yang memberi kesan kepada aktiviti ekonomi dan seumpamanya. Walaupun sistem ini ada kebaikannya namun ia juga telah mendapat kritikan dari sarjana Barat mahupun Islam. Misalnya wujud ketidakseimbangan agihan pendapatan (kekayaan), lebih bersifat materialistik, ketidakseimbangan politik berlaku ekoran pasaran ekonomi dunia yang

memberi saingan hebat dan lain-lain. Oleh itu sukar untuk menerapkan kesejahteraan dalam pasaran ekonomi negara dan dunia terutama adanya golongan yang tidak bertanggungjawab sehingga menimbulkan kemuflian. Ia adalah salah guna pengertian kebebasan iaitu tidak tertakluk kepada disiplin dan amanah Allah iaitu soal keimanan dan peraturan serta undang-undang syariah.

Selain itu sistem ekonomi Sosialis juga ciptaan Barat melalui tokoh Karl Marx (1818-1883M) iaitu satu sistem yang berasaskan kepada hak milik pemerintah secara mutlak. Fahaman ini juga tidak ada perbezaan besar dengan Komunisme yang dianjurkan oleh tokoh yang sama dan dikatakan ideal untuk keadilan sejagat. Kesan sistem ini mengakibatkan terhapus kepercayaan adanya Tuhan, meruntuhkan institusi keluarga dengan memperjuangkan gerakan pembebasan wanita, anggapan bahawa semua manusia adalah sama walaupun sebenarnya kebolehan masing-masing berbeza dan sebagainya. Ideologi ini juga mendapat kritikan seperti perjalanan ekonomi bergantung kepada perancangan pusat bukannya mekanisme harga, tiada penswastan dan ketiadaan kebebasan individu kerana kawalan kerajaan.

Jelaslah di sini bahawa kedua jenis ideologi tersebut anjuran sekularisme yang membawa kesan buruk ke atas penghidupan kerana ia ciptaan manusia yang banyak kelemahannya. Misalnya segala keputusan perekonomian tertakluk kepada rasionaliti akal manusia iaitu memiliki pengetahuan dan pengalaman yang terhad berbanding wahyu Allah kerana sesuatu yang tidak saintifik tidak boleh diterima oleh logik akal.

Sistem ekonomi sekular juga gagal meletakkan kerangka asas *Hablumminallah* dan *hablumminannas* di dalam perspektif perekonomian yang sebenarnya. Kesemua ini ialah

punca krisis ekonomi di negara-negara Islam akibat sekularisasi seperti yang dinyatakan oleh Abdul Razak b. Chik dari Sekolah Ekonomi UUM iaitu :

- a. Kegawatan ekonomi/kecelaruan pemikiran
- b. Kemiskinan/agihan
- c. Peruntukan sumber
- d. Keutamaan keperluan
- e. Nilai keuntungan/kerugian
- f. Sifat tamak dan pembaziran
- g. Ketidaktelusan, rasuah, tidak amanah, tidak berakauntabiliti dll.<sup>12</sup>

Demikianlah beberapa bentuk sistem ekonomi sekular yang mengakibatkan anggapan umat Islam bahawa apabila mengamalkannya akan membawa kestabilan dan keadilan ekonomi. Atas alasan ini maka mereka dipengaruhi dan mengamalkan idea ini untuk maju dan membangun selaras dengan perkembangan ekonomi Barat sekular yang disanjung agar setanding dengannya.

#### **4.3.3 Kesan Ke Atas Politik**

Pemikiran sekularisme memberi kesan terhadap politik dengan menyempitkan peranan agama dalam kehidupan. Ideologi-ideologi politik Barat secara terang-terangan bercanggah dengan Islam seperti Komunisme, Sosialisme dan Liberal-Demokrasi yang mengandungi unsur sekular yang kuat. Segala bentuk fahaman ini jelas meresapi pemikiran umat Islam kerana majoriti negara Islam mengamalkannya. Rasionalisme adalah elemen penting dalam sekularisme dan ia merupakan satu bentuk pemikiran yang cuba memahami keadaan realiti dengan merujuk kepada akal manusia.

Menurut Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif dari Jabatan Sains Politik UKM menjelaskan maksud pemikiran Liberal-Demokrasi sebagai :

“Pemikiran Liberal-Demokrasi Barat adalah pada hakikatnya bertunjangkan sekularisme kerana ia diasaskan kepada tamadun Yunani dan Roman yang menggembelengkan aspek *teori dan praktik*. Aspek teori yang ditekankan oleh pemikir Yunani seperti Plato ialah betapa pentingnya akal ( ratio ) dalam mentakrif rupa bentuk kehidupan manusia.”<sup>13</sup>

Manakala pemikiran berasaskan praktikal pula menekankan aspek saintifik merangkumi saintisme, materialisme dan rasionalisme yang saling melengkapi.

Selain itu menurut Profesor Syed Muhammad Naquib Al-Attas dalam karyanya *Islam and Secularism* menyatakan adanya prinsip ‘berubah’ sebagai pendorong kemajuan. Oleh itu perubahan sentiasa berlaku ke arah pembangunan kemajuan dalam sesebuah negara seperti aspek sains dan teknologi, kemahiran tenaga buruh, modal yang tinggi dan sebagainya yang berbeza dari Islam yang mempunyai hukum-hakam yang tetap dan jelas. Oleh itu menurut Mohd Azmi Abdul Hamid dari organisasi NGO Teras Pengupayaan Melayu membentangkan kertas kerjanya bertajuk ‘Sekularisme Dalam Dasar Pembangunan Nasional’ iaitu :

“Mengikut pandangan golongan sekularis, Al-Quran itu sendiri perlu di ‘tafsir’ semula untuk memenuhi tuntutan dan perubahan semasa.”<sup>14</sup>

Merujuk kepada beberapa pandangan yang telah dikemukakan jelas menunjukkan percanggahan ajaran Islam dan sekularisme untuk memajukan negara yang melupakan elemen agama dan tradisi tetapi mementingkan hal terkini yang dianggap canggih.

Seorang pemimpin yang baik ialah yang menjalankan tanggungjawabnya mengikut syariat Islam termasuklah dalam pembangunan insan. Malah sekularisme yang mengutamakan pemikiran rasional dan analisis seperti yang dijelaskan sudah pasti menghasilkan manusia yang bijak namun buta agama dan budaya yang boleh mendatangkan kemudharatan. Oleh itu ilmu, pemikiran dan usaha untuk mencari kebenaran diperlukan untuk melahirkan generasi Islam yang dapat membangunkan insan.

Politik adalah lapangan utama dalam membasmi pemikiran sekularisme dengan habis-habisan. Timbulnya agenda-agenda menghalang kebangkitan Islam yang boleh mengancam golongan sekularis. Malah mereka akan menyebarkan dakyah mengatakan pemimpin Islam jika diberi peluang mentadbir dunia akan memusnahkannya kerana mereka dikatakan bersikap ganas dan gila kuasa. Mereka juga berusaha meliberalkan pemikiran manusia agar seiring dengan pemikiran sekularisme. Menurut Abdul Ghani Samsudin iaitu Yang Dipertua Persatuan Ulama Malayasia dalam kertas kerjanya bertajuk 'Membina Kekuatan Umat Menangkis Sekularisme' menyatakan agenda sekularisme yang berjaya dilaksanakan dalam masyarakat Islam ialah :

- Memburuk-burukkan wawasan Islam
- Menakut-nakutkan kerajaan dan rakyat terhadap Islam dan gerakan Islam
- Menggilap imej aliran dan gerakan yang menentang Islam
- Menilai gerakan Islam dengan pengalaman sejarah dan epistemologi Barat
- Mengajukan beberapa strategi penting kepada kerajaan sekular negara-negara Islam untuk membendung dan melemahkan kebangkitan Islam dari sudut politik
- Membantu kerajaan sekular dari sudut ekonomi agar ia memiliki keabsahan di mata rakyat dan terus berkuasa
- Memusnahkan secara langsung atau tidak langsung kekuatan Islam yang mungkin akan muncul sebagai negara Islam sama ada di rantau Balkan mahupun di tempat-tempat lain di dunia.<sup>15</sup>

Demikianlah betapa takutnya golongan sekularis untuk menghadapi kemaraan Islam dan sebagai alternatifnya untuk berpengaruh dan berkuasa ialah dengan merosakkan pemikiran umat agar menjadi lemah dan mengikuti ideanya.

Inilah serba sedikit kesan serangan pemikiran terhadap politik sesebuah negara. Seterusnya penulis telah membuktikan kajiannya bahawa sekularisme lebih membawa keburukan dari manfaatnya dalam pelbagai perspektif kehidupan seperti yang telah dibincangkan oleh penulis.

#### **4.4 PEMIKIRAN SEKULARISME DI MALAYSIA**

Malaysia sebuah negara Islam yang mengamalkan sekularisme dalam beberapa aspek kehidupan. Namun tidak dapat dinafikan pelbagai institusi keislaman juga wujud dengan banyaknya seperti UIA, Bank Islam, Pusat Pungutan Zakat, Baitulmal, Mahkamah Syariah, Pusat Islam dan seumpamanya.

Malaysia telah mengalami pelbagai tahap perkembangan pemikiran sejak zaman penjajahan sehingga sekarang. Terdapat juga panduan hukum Allah yang diketepikan dalam pelaksanaan memajukan masyarakat dan negara. Nilai-nilai berbentuk ekonomi sering diutamakan berbanding kerohanian seperti yang termaktub dalam rancangan pembangunan lima tahun negara. Ia terbukti melalui pandangan yang dikemukakan oleh Mohd Azmi Abdul Hamid iaitu :

“...gagasan ‘Melayu Baru’ yang pernah dipopularkan sebagai salah satu agenda pembangunan yang tersirat secara tidak langsung dalam dasar pembangunan nasional, terdapat faham menggunakan

pendekatan “mengkayakan’ orang-orang Melayu terlebih dahulu bagi bersaing dengan kaum lain yang lebih mantap kedudukan ekonominya dipilih sebagai suatu kaedah yang dianggap utama dan berkesan bagi memajukan orang-orang Melayu. Persoalan sama ada orang Melayu mempunyai pandangan dan konsep hidup dan faham Islam yang tepat atau tidak, tidak penting.”<sup>16</sup>

Malah Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang menggantikan DEB mengutamakan pembangunan sosio-ekonomi dan peningkatan di bidang perusahan. Oleh itu pembangunan material diberi lebih penekanan dari pembangunan insan untuk mencapai kesejahteraan rakyat.

Aspek pemikiran ekonomi juga dilihat dari sumber dan faktor pengeluaran untuk mencapai kepuasan dan keseimbangan tanpa merujuk kepada syariat Allah. Menurut pandangan mereka kehendak manusia adalah tidak terbatas dan segala keputusan perekonomian tertakluk kepada rasionaliti akal tanpa mengambil kira masalah yang akan timbul di masa depan. Kesannya di Malaysia jika permintaan terhadap sesuatu barangan itu tinggi sudah pasti pengeluar berusaha memenuhi permintaan untuk memaksimumkan keuntungan di pasaran seperti perumahan mewah. Sudah pastilah kebajikan rakyat miskin atau sederhana akan dipinggirkan dan mewujudkan masalah sosio-ekonomi yang lain pula.

Sejak merdeka projek modenisasi giat dilaksanakan atau disebut dasar pembaratan seperti pembangunan ekonomi berasaskan sistem Kapitalis dan undang-undang yang diambil dari Barat. Unsur Kapitalis yang ingin memaksimumkan keuntungan dapat dilihat dari kandungan bahan bacaan rakyat Malaysia yang lebih tertumpu pada bahan bacaan yang tidak bercorak ilmiah tetapi hiburan. Menurut Fadhullah Jamil dari USM melalui kertas kerjanya bertajuk ‘Sekularisme Dalam Sosio-Budaya Di Kalangan Umat Islam : Dalam Konteks Malaysia’ menyatakan bahawa :

“...kajian penyelidikan Malaysia mendapati bahawa daripada 9.5 juta remaja yang berumur 15 tahun ke atas, hanya 5.4 juta atau 52 % membaca akhbar setiap hari. Sementara itu, golongan remaja ini hanya suka memebaca bahan-bahan hiburan daripada membaca buku-buku ilmiah atau rencana pengarang.”<sup>17</sup>

Bahan bacaan yang bersifat kritis, ilmiah, bermotivasi dan mempunyai nilai-nilai murni kurang mendapat tempat di hati pembaca juga pihak penerbit yang dikatakan kurang sambutan (keuntungan).

Serangan pemikiran juga berlaku melalui teknologi penyebaran maklumat selaras dengan proses globalisasi yang meluaskan lagi tahap komunikasi manusia. Akibatnya umat Islam akan terpengaruh dengan pelbagai maklumat yang berfaedah atau merosakkan pemikiran dan akhlak mereka. Misalnya melalui kemajuan teknologi komputer seperti Internat yang canggih ciptaan Barat dan dikuasainya memudahkan penularan masuk maklumat yang tidak sepatutnya. Kebenaran dalam setiap maklumat sukar dipastikan terutama yang mempunyai nilai sekular dan lebih banyak terdedah serta mempengaruhi golongan remaja dan yang kurang ilmu pengetahuannya. Pelbagai jenis berita dan maklumat bebas disebarkan tanpa kawalan atau sempadan walaupun yang boleh merosakkan akhlak kerana ia sukar disaring.

Pengisian kemerdekaan dengan mengambil elimen modenisasi sebagai teras pembangunan ummah telah menyebabkan penyerapan idea sekular menjadi mudah dan berkesan. Oleh itu cara pentadbiran Inggeris telah disesuaikan dan diteruskan ke dalam corak pemerintahan negara misalnya hal-enwai agama Islam dan adat-istiadat di bawah kekuasaan raja-raja Melayu manakala pentadbiran pula di dalam tangan Inggeris sebelum merdeka. Kesan penting ialah peminggiran agama dari politik seperti yang diamalkan

Inggeris terus diadaptasikan sehingga kini. Politik berperanan lebih meluas berbanding agama yang menyentuh aspek penghidupan umat Islam dan bukannya melahirkan negara yang benar-benar mengamalkan syariat Islam sepenuhnya. Misalnya Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam aspek kekeluargaan sahaja. Jika pemikiran pemimpin tidak terikat dengan pemikiran sekkularisme sudah tentu mereka menyedari bahawa undang-undang Islam sebagai undang-undang dasar negara dapat menjamin kesejahteraan hidup untuk orang Islam mahupun bukan Islam. Begitu juga penggantian cuti hujung minggu dari hari Jumaat telah ditukarkan ke hari Ahad mengikut idea sekular.

Unsur sekularisme ini kemudiannya dapat dilihat secara jelas melalui pentadbiran dan agama. Misalnya dalam pemerintahan kerajaan pentadbiran majlis agama dan kerajaan tidak seiringan. Bidang kuasa pentadbiran majlis agama negeri misalnya ialah membuat kutipan zakat, pemegang amanah tanah wakaf, pengawas sekolah-sekolah agama, perlantikan pegawai masjid dan seumpamanya. Ia jelas membuktikan agama untuk soal pentadbiran keagamaan sahaja yang melibatkan hukuman ringan tanpa kuasa ke atas pentadbiran kerajaan yang lebih meluas seperti perlembagaan yang bertunjangkan corak barat iaitu kerajaan berparlimen.

Demikianlah beberapa contoh penyerapan elemen sekularisme dalam pemikiran umat Islam di Malaysia sehingga kini. Sekularisme didapati menjadi unsur penting dalam memandu kehidupan manusia dan mewujudkan peradaban yang selari mengikut kehendaknya. Penulis ingin menegaskan bahawa sungguhpun Malaysia mengamalkan sekularisme dalam pemerintahannya namun terdapat pelbagai usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengembangkan syiar Islam oleh para pemimpin dan masyarakat pada masa kini. Oleh itu perkara yang penting ialah para pemikir dan pemimpin serta masyarakat

harus berganding bahu menyekat dan membasmi idea-idea sekular dari terus menunjangi peradaban kita agar generasi kini dan akan datang tidak mendapat impak buruk hasil dari kelalaian kita.

Inilah impak buruk yang berjaya mempengaruhi kehidupan umat Islam di Malaysia. Walaupun sekularisme ditentang oleh majoriti umat Islam di Malaysia namun secara tidak disedari idea ini tetap menyerapi kehidupan umat.

## NOTA Hujung

- 
- <sup>1</sup> Muhd Al-Ghazali, *Al-Ghazali Menjawab 40 soal Islam Abad 20*, Syarikat S. Abdul Majeed, Kuala Lumpur, 1989, hlm 229.
- <sup>2</sup> W.L Reese, *Dictionary of Philosophy and Religion Eastern and Western Thought*, New Jersey : Humanities Press, United State of America, 1980, hlm 576-577.
- <sup>3</sup> Thaha Jabir Al-‘Awani, *Krisis Pemikiran Moden : Diagnosis dan Cara Pemulihan*, Terj. Muhammad Firdaus, The International Institute of Islamic Thought Malaysia dan Thinker’s Library Sdn. Bhd., Selangor, 1995, hlm 6.
- <sup>4</sup> Ibid, hlm 8.
- <sup>5</sup> Ibid, hlm 9.
- <sup>6</sup> Ali Abdul Halim Mahmud, *Invasi Pemikiran dan Pengaruhnya Terhadap Masyarakat Islam Masa Kini*, Terj. Mohsir M.R, Pustaka Nasional Pte. Ltd, Singapura, 1989, hlm 7.
- <sup>7</sup> Ibid, hlm 9.
- <sup>8</sup> Israr Ahmad, *Kebangkitan Islam Tujuan dan Matlamat yang Sebenarnya*, Terj. Jafni Zainal, Dinie Publisher Khazanah Ilmu, Dakwah & Tarbiah, Kuala Lumpur, hlm 2.
- <sup>9</sup> *Seminar Usuluddin, Islam dan Aliran-aliran Pemikiran Masa Kini, 20-21 Febuari 1988, Anjuran Lujnah Usuluddin Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya*, Mohamad Abu Bakar, *Konsep Kemajuan dan Komitmen Kehidupan Muslim*, Kuala Lumpur, hlm 6.
- <sup>10</sup> *Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan “Cabaran Sekularisme Ke Atas Umat Islam” pada 30 April dan 1 Mei 2000, Anjuran Persatuan Ulama Kedah dan Teras Pengupayaan Melayu (TERAS)*, Jamilah Othman, *Sekularisme: Pengalaman Umat Islam Minoriti Di Singapura*, Sungai Petani, Kedah, hlm 2.
- <sup>11</sup> Ibid, Md Sidin Ahmad Ishak, *Sekularisme Dalam Media Massa*, 2000, hlm 1.
- <sup>12</sup> Ibid, Abdul Razak b. Chik, *Sekularisasi Ekonomi Di Malaysia*, 2000, hlm 4.
- <sup>13</sup> Ibid, Wan Abd Rahman Wan Ab. Latif, *Sekularisme Politik dan Survival Ummah*, 2000, hlm 4.
- <sup>14</sup> Ibid, Mohd Azmi Abdul Hamid, *Sekularisme Dalam Dasar Pembangunan Nasional*, 2000, hlm 4.
- <sup>15</sup> Ibid, Abdul Ghani Samsudin, *Membina Kekuatan Umat menangkis Sekularisme*, 2000, hlm 4.
- <sup>16</sup> Op.cit, Mohd Azmi Abdul Hamid, 2000, hlm 4-5.
- <sup>17</sup> Ibid, Fadhullah Jamil, *Sekularisme Dalam Sosio-Budaya Di Kalangan Umat Islam : Dalam Konteks Malaysia*, 2000, hlm 9.